

BAB IV

ANGGAPAN MASYARAKAT SARAWAK TERHADAP ROSLI DHOBY DAN RUKUN TIGA BELAS

A. Kondisi Masyarakat Di Sarawak.

Para pendukung penyerahan dan antipenyerahan masing-masing mahu menegakkan pendirian mereka. Poster kedua-dua pihak yang menyokong dan menentang di pasang di sepanjang jalan atau rumah. Di pihak yang menyokong penyerahan, Antara poster yang dipasang ialah “*we love cession*”, “*Down with Brooke*”, “*God save the Queen*”. Dan manakala golongan antipenyerahan pula memaparkan poster yang tidak kurang hebatnya.” *no cession*”, “*Sarawak natives want the rajah muda*”, “*We want brooke, Not bureaucracy*”. Itu merupakan era yang cukup mencabar bagi Rukun tiga belas karena ada masyarakat Melayu yang mempunyai dua golongan yang menentang dan golongan yang menyokong. Kadang kala kondisi menjadi begitu tegang, Dengan kedua-dua pihak saling mengugut dan memujuk agar menyokong pedirian masing-masing.³⁹ Ada juga yang saudara mara dan jiran tetangga yang berkelahi akibat tercetusnya dua golongan ini di dalam masyarakat. Disebabkan ketidaksamaan dalam pendapat dan kehendak, Masing-masing mahu menegakan kepercayaan dan kelompok masing-masing. Mereka yang propenyerahan tidak menghadiri upacara yang melibatkan pihak anti penyerahan. Dan

³⁹ Wan Abu Bakar, *Wawancara*, Kuching, 25 April 2016.

begitulah kondisi yang agak tegang yang berlaku di dalam masyarakat disibukkan pada waktu itu.⁴⁰

Dalam karya Safri A.Zaidell dalam memoirnya dalam *yesterday: A Better Tomorrow* mengimbas kembali pada situasi pada ketika itu, Menurut beliau, hubungan antara kedua-dua pihak sentiasa tegang, Malah merebak dalam kalangan anak-anak. Apabila satu pihak melihat pihak lain dari jauh, Ketika berada di jalan raya misalnya, Mereka akan saling mengelak dan kadang kala berlaku perkelahian termasuk dalam kalangan anak-anak muda membuktikan kesan negetif membabitkan isu penyerahan. ada juga berlaku perkelahian terbuka di jalan raya apabila kedua-dua pihak memperlihatkan seni silat mereka.kesan nya terlalu teruk terutamanya di Sibu sehingga mereka saling memulau jiran tetangga dan kesannya dibawa dalam upacara keagamaan.⁴¹

Isu penyerahan menimbulkan persengketaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kondisi ini menurut teori *Neil J Smesler* dalam *Collective Action Behavior* (6 tahapan teori), Dalam teori *Covergence Theories* dapat dikaitkan dengan pemberontakan yang dilakukan dan tentangan yang diberikan oleh masyarakat kepada Rosli Dhoby dan Rukun

⁴⁰ Ibid., 46.

⁴¹ Ibid., 35.

menegur sapa antara satu sama yang lain. kemarahan senantiasa membawa di hati kedua-dua pihak.” Pada 1 Juli 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengutus telegram ke Presiden Britain, Clement Atlee dengan harapan beliau dapat mengambil tindakan sewajarnya. tindakan beliau menghantar telegram berkenaan juga merupakan usaha untuk memastikan agenda golongan antipnyerahan tercapai telegram berkenaan mengemukakan hujah atau alasan mengapa penyerahan itu tidak sah.berdasarkan penyelidikan di pelbagai pejabat arsib di dalam negara dan luar negara tidak terdapat dokumen yang membuktikan bahawa telegram itu mendapat respon daripada Atlee.

Namun, Datu Patinggi tetap tidak berputus asa. Dengan semangat untuk terus memperjuang agenda golongan propenaryerahan dan dengan semangat sokongan yang diberikan oleh ahli PKMS, Beliau menghantar satu lagi telegram kepada Raja Muda pada 26 Juli 1946. Beliau memohon jasa baik Raja Muda agar mengemukakan bantahan mereka kepada Atlee jika tidak, Beliau meminta agar Raja Muda menghantar protes kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu (PPB) atau kerajaan Amerika Syarikat.⁴²

Kandungan telegram Datu Patinggi berbunyi," Diharap Tuan akan kirimkan keputusan rayuan kami kepada Presiden jika beliau tidak bersetuju, Kami tidak ada langkah lain melainkan meminta rayuan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PPB) atau Amerika yang

⁴² Abdul Hamid bin Syeikh Japar, *Wawancara*, Sibu 15 Juni 2016.

mengktirafkan kemerdekaan kami semenjak tahun 1850 dan kami menghargai hargai pergakuan itu. Sudah tentulah perkara ini akan berlawanan kepada Amerika Syarikat yang berdasarkan mencari keamanan dan kemerdekaan bangsa-bangsa besar dan kecil karena tidak ada menaruh belas kasihan kepada kehapusnya kemerdekaan Sarawak dengan tidak ada kebenaran dan kemahuan rakyak Sarawak.”

Pertama, Tidak ada pergakuan yang sah daripada wakil-wakil pihak bumiputera telah diberi kepada penyerahan itu. rakyat Sarawak juga tidak berkehendak Negeri mereka menjadi tanah jajahan Mahkota Ingeris, suara undian bumiputera dalam majlis mesyurat Negeri ialah 12 suara lawan sembilan suara yang menyetujui penyerahan itu. Disebabkan oleh pengaruh wang bantahan telah nyata dengan seterang-terangnya seratus peratus dan membayangkan pada dia perasaan rakyat Sarawak yang sebenarnya. Alat penyerahan yang telah disahkan oleh majlis mesyurat tertinggi itu adalah batal oleh Fasal 4. Datu Patinggi yang menjawat jawatan adalah seumpama Yang Amat Mulia Duke Of Norflok tidak bersama-sama menandatangani.⁴³

Sir Charles Vyner Brooke mungkir kepada ikrar talkala ia naik Kerajaan demekian juga telah mungkin kepada wasiat politik Sir Charles Brooke dan dengan sukarelanya telah menghapuskan jawatan Raja Sarawak dengan menerima penyerahan itu. oleh yang demikian,dengan kelakuannya melakukan pecah amanah keatas Rakyat Sarawak, Maka

⁴³ Ibrahim Bin Osman, *Wawancara*, Sibu, 25 April 2016.

kami dengan hormatnya menjemput Tuan Muda karena ia mewarisi tahta Kerajaan Negeri Sarawak itu supaya memegang jawatan menjadi Raja Sarawak. Kami memandang Tuan sebagai Presiden Great Britian untuk mengekalkan keamanan dan menghormati kehendak-kehendak Sir Charles Brooke sebagaimana yang telah disebut dalam wasiat politiknya itu. kami dengan hormatnya berterima kasih kepada tuan bagi menyempurnakannya.⁴⁴

Dari segi pendirian, PKMS menentang keras penyerahan Sarawak kepada British. PKMS merupakan barisan depan perjuangan antipenyerahan, apatah lagi penaung dan pemimpin utamanya Datu Patinggi Haji Abdillah terkenal dengan sikap antipenyerahan beliau. Mereka melancarkan kempen di kampung-kampung bagi memujuk masyarakat Melayu agar tidak menyokong penyerahan yang di anggap merugikan Rakyat Sarawak. Apabila Gabenor pertama, Sir Arden Clarke tiba di Kuching pada akhir Oktober 1946, PKMS telah melancarkan tunjuk perasaan besar-besaran. Mereka memasang begitu banyak poster dan kain rentang di kampung-kampung, Termasuk di seberang Sungai Sarawak. Malah, Datu Patinggi dan Presiden PKMS ketika itu, Abang Haji Zaini mengemukakan rayuan kepada Baginda King untuk menarik balik penyerahan Sarawak.⁴⁵

PKMS juga mengadakan sambutan dan perarakan besar-besaran menyambut Anthony Brooke yang tidak bersetuju dengan penyerahan,

⁴⁴ Adam Ahmad, *Sarawak dalam Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2011), 25.

⁴⁵ Lucas jhonny, *Wawancara*, Mukah, 1 Juli 2016.

Selari dengan pendirian PKMS. Namun, Arden Clarke bertindak balas dengan tidak membenarkan Anthony Brooke menjelak kaki di Sarawak dengan mengeluarkan perintah berkenaan pada 16 Disember. PKMS dan Persatuan Dayak Sarawak (SDA) kecewa dengan tindakan Arden Clarke itu yang disifatkan sebagai tidak adil. Pada 1 Juli 1947 Rajah Charles Vyner Brooke menyampaikan ucapan semperna ulang tahun penyerahan Sarawak. Beliau mengucapkan tahniah kepada Rakyat Sarawak semperna setahun Sarawak diserahkan kepada Seri Baginda King pada 1946. Mengikut Rajah, Beliau telah mempertimbangkan dengan mendalam dan halus terhadap cadangan penyerahan sebelum mengemukakan cadangan kepada Kerajaan British, Dan juga Council Sarawak.

B. Peristiwa Penyerahan Menyediakan Rakyat Sarawak.

Peristiwa penyerahan itu, Secara peribadi merupakan sesuatu yang menyediakan Rakyat Sarawak, Namun tindakan itu perlu di ambil demi feadah kepada Rakyat pada jangka panjang .mengambil kira kekacauan dan kekusutan dunia yang dialami ketika itu, Maka penyerahan itu adalah sesuatu yang tidak dapat di elakkan.kata beliau” Saya sudah tetapkan betul-betul segala kejadian pada tahun lalu, Dan saya dapati lebih dari awalnya tadi bahawa langkah yang telah dijalankan itu adalah perkara yang sebaik-baiknya. Bahkan seperti yang telah dijanjikan pada masa awal penyerahan itu dan bawasa segala adat-adat lama itu adalah masih dijaga dengan cermat. Cadangan-cadangan yang penting diaturkan dengan

pembelanjaannya. Kerajaan British bagi memperbaiki kehidupan dan kemajuan rakyat Sarawak jelata.^{46,,}

Beliau sukacita segala cadangan berkenaan selari dengan segala tujuan asal ketiga-tiga Rajah Brooke, Yaitu segala keperluan rakyat diutamakan, Segala kemajuan diusahakan oleh rakyat sendiri demi feadah rakyat Sarawak meskipun demikian, Beliau mengakuai masih terhadap rakyat Sarawak yang lebih menentang dengan galakkan pihak tertentu dari luar. Mereka ini mendakwa telah kehilangan kemerdekaan dan ingin mendapatkan kembali kemerdekaan itu. kandungan perutusan Vyner Brooke bagi diperkuuhkan oleh Gabenor pertama dalam ucapan yang disampaikan pada majlis perisytiharan beliau sebagai Gabenor. Mengikut beliau, Pihak pemerintahan tidak berniat sekali-kali memperkenalkan perubahan yang tidak selari dengan kehendak rakyat, Bahkan menjadi hasrat kerajaan untuk memelihara segala adat istiadat asli yang sempurna. Namun, Perubahan perlu juga dilakukan sesuai dengan tuntutan masa, karena tidak ada manusia atau negara yang kekal tanpa perubahan.

Perubahan hanya dilakukan selepas perundingan dengan rakyat. Beliau berjanji untuk mengembalikan kemakuran Sarawak seperti dinikmati sebelum perang dunia kedua dan pendudukan Jepang. kata beliau, Rakyat perlulah bercita-cita tinggi agar kemajuan dan kemakmuran dapat dicapai. Untuk itu, Berkerjasama dalam kalangan rakyat dan antara rakyat dengan kerajaan amat penting. Sir Charles Noble Arden Clarke

⁴⁶ R.H.W Reece, *The name of brooke White Rajah Rule In Sarawak* (Kuching : Prima 1993), 12.

diisytiharkan sebagai Gabenor Sarawak pertama di bawah zaman pemerintahan kolonial British.⁴⁷

C. Pagi Berdarah Di Sibu, Sarawak.

Duncan Stearwd berhasrat untuk menjelajah ke seluruh Sarawak dan juga Brunei. Menjadi amalannya sebagai pengawai Britsh di tanah jajahan yang beliau pernah berkhidmat untuk sentiasa turun ke akar umbi bagi mengenali budaya dan masalah rakyat. Namun hasrat itu tidak segera dapat dilaksanakan. Disebabkan pelbagai cara dan urusan rasmi yang perlu dipenuhi beliau terpaksa berada di Kuching selama sekitar dua minggu. Pada 22 Nopember, Beliau sempat merasmikan majlis graduasi di Kolej Perguruan Batu Lintang, Kucing. Sebahagian masanya adalah menerima tetamu, Termasuk pemimpin masarakat tempatan di Astana.

Namun, Akhirnya rancangan untuk turun ke padang dalam acara rasmi sebagai Gabenor tercapai juga pada pagi sabtu, 3 Disember 1949. Sibu, yang dibuka mulai pertengahan abad ke-19 diserahkan kepada sultan Brunei kepada James Brooke pada tahun 1853.⁴⁸ ketika itu Sibu dikenali sebagai Maling, Kawasan yang terbentuk mengikut tanjung yang berliku-liku di muara sungai Rajang dan Sungai Igan.ketika itu Kesultanan Brunei berhadapan dengan masalah pemberontakan di beberapa bahagian di Sarawak. Rajah Putih pertama itu mendirikan Kubu Brooke yang teletak di Kuala Sungai Rajang dan Sungai Igan yang menjadi daratan bandar Sibu pada

⁴⁷ Ibid., 50.

⁴⁸ Taha Jhony, *Wawancara*, Sibu, 10 Mei 2016.

tahun 1862. Tujuannya adalah sebagai langkah untuk mengesan ancaman pemberontakan di kawasan berkenaan. Pada ketika itu, Kubu berkenaan menjadi perlindungan kepada peneroka awal, Termasuk orang Melayu, Melanau, Iban, daripada diancam penyamun di kawasan berhampiran. Dengan itu, Penduduk dan peniaga dapat hidup dalam kondisi selamat, Maka rumah dan kedai di Sibu dapat dibangunkan yang kemudiannya menjadi asas kewujudan pasar di Sibu.⁴⁹

Pada pagi 3 Disember, Kapal membawa Gabenor dan kakitangan Astana sudah berlabuh di hadapan bandar Sibu. Pada pagi itu Duncan Steewart bangun seperti biasa, Dan bersarapan di atas kapal. Duncan Stearwart yang keluar dari perut Kapal yang membawa beliau dari Kuching, Begitu gembira dan teruja melihat orang ramai di daratan di kawasan Bangunan Pelabuhan Sibu sekarang. Beliau yang memakai pakaian serba putih kelihatan begitu segak. Kota Sibu dihiasi dengan bendera Kolonial, Golongan prokonal meraikan lawatan Duncan Stewart sebagai hari kegembiraan.Gabenor dijangka memeriksa perbarisan pada jam 9:30 pagi. Sebaliknya kebencian pejuang kemerdekaan Negeri Sarawak terhadap penjajah Britsh semakin membuak-buak, Rosli dan Morsidi menanti ketibaan Duncan Stearwt dengan penuh debaran. Sementara itu kapal mewah yang membawa Duncan Stearwt sedang berlabuh di Sungai Rajang berdekatan pangkalan Sibu.

⁴⁹ Ahmadul, *Wawancara*, Mukah, 30 April 2016.

Duncan Stearwt tiba di pangkalan dengan menaiki bot khas dengan kawalan rapi dan beliau turut menerima tabik terhormat. Kedatangan Duncan Stearwart di pangkalan di sambut meriah diketuai oleh Residen Bahagian Ketiga John Barcorth, Pegawai Britsh dan biokrat Melayu prokolonialis yang berada di Sibu, Residen Bahagian Ketiga menaiki kapal berkenaan untuk menyempud Gabenor, Dan memberi penjelasan ringkas tentang cara sambutan yang telah di rancang. Gabenor yang berpakaian serba putih, Termasuk topi putih yang sudah menjadi semacam pakaian rasmi, Seterusnya bergerak ke arah kawasan sambutan. Pintu gerbang turut didirikan bagi menalu-alukan kedatangan beliu. Beliau melewati pintu gerbang itu sambil disaksikan oleh orang ramai. Pagi yang bersinar terang, Aktivitas yang berlangsung di Kota Sibu berjalan seperti biasa. kecuali para peduduknya yang tahu bahawa pagi itu Gabenor baharu akan menjelaskan kaki ke Kota mereka. Para pekedai berjual seperti biasa yang menjual barang di tepi jalan, Seolah-olah tidak mempedulikan kedatangan Gabenor baru itu.

Beberapa orang polis berada di kedudukan masing-masing, Termasuk sarjan Kikir Singh, Kerta Singh, Santok Singh, Juginda Singh, Delip Singh, Kopral Borhan, Sulaiman, Dan Leman Kilin. Sarjan Kikir dengan nomer 279 dari Polisi Sarawak, Mengawal trafik bagi memastikan kelancaranya ketika berlangsungnya lawatan Gabenor baru tersebut. Gabenor diiringi oleh Residen dan setiausaha peribadi T.St.J.Dilks, Dan orang kenamaan, Termasuk yang berpangkat Datu, Dan beberapa orang pegawai beliau menuju ke tapak sambutan sekitar jam 9:15 pagi. kedua-dua belah jalan terdapat barisan anak-

anak SD dengan para guru⁵⁰. Residen berada setengah langkah di belakang Gabenor. Beliau memeriksa perbarisan terhormat pasukan polisi, Dan seterusnya berjabat tangan dengan pegawai kanan, Sambil bertanya khabar dan berbasa-basi bagi menunjukkan sifat kepimpinan beliau. seterusnya beliau berjabat tangan dengan barisan kenamaan Melayu, Cina, Iban dan orang Eropah. Beliau kagum dan memuji pakaian tradisional orang Iban yang menurut beliau sangat menarik dan unik.⁵¹

Sesudah melalui barisan orang kenamaan, Maka tibalah waktu untuk memeriksa barisan anak-anak SD yang begitu teruja menyambut Stearwart, sambil mengibarkan bendera union jack dan bendera Sekolah. Murid sekolah yang telah di ajar dan dilatih oleh guru mereka cara mengalu-alukan Gabenor dan pegawai kanan Britsh mengankat kedua-dua belah tangan ke arah kepada sambil tunduk tanda penghormatan. Antara sekolah yang ikut serta pada pagi itu ialah Sekolah Rendah Chung Hua, Sekolah Rendah Abang Ali, Sekolah Methodis dan Sekolah Roman Catholic Mission. ada yang mengibarkan bendera Inggris dan Sarawak ketika melalui perbarisan sekolah, Residen Sibu menjelaskan kepada Gabenor maksud dan singkatan yang terdapat di atas bendera tersebut. ketika itu, Seorang jurugambar Lo Sien Fong sempat merakam detik-detik Gabenor melewati pintu gerbang. lebih kurang dua langkah sesudah lalu di hadapan Sarjan Kikir Singh, Tidak jauh dari pintu gerbang tiba-tiba seorang guru muda dengan pakaian serba puteh dan bersongkok, Menuju ke hadapan, Seolah-olah menyembah kaki Gabenor.

⁵⁰ Halimah Sebli, *Mencari pahlawan Sarawak* (Kuala Lumpur: Medi, 2002), 19.

⁵¹ Adam Ahmad "Pergerakan Anti-Cession" Berita Harian, (22 October 2003). 6.

John Barcoft yang menginungi Gabenor terkejut melihat lelaki itu seperti seorang yang pengsan. beliau melangkah ke arah lelaki itu, Tetapi tiba-tiba diterkam oleh setiausaha peribadi Encik Terence Dilks. Residen juga mengengam lelaki itu pada pergelangan tangannya. Kikir Singh mendapati bahawa Gabenor undur dua langkah ke belakang, mendekati Beliau namun lelaki muda itu menghunus sesuatu ke perut Gabenor sekitar jam 9:30 pagi. Kikir Singh melihat ada darah di sebelah kiri baju Gabenor, Manakala dalam gengamaman seorang lelaki melayu yang bersongkok itu terdapat sebilah badik. Tanpa berfikir panjang beliau terus menerpa ke arah lelaki itu dan mengengam tangan kanannya yang memengang badik, Dan dengan tangan kiri Kikir Singh merekuh leher nya kemudian Kikir meniup wisel, Cuba menarik perhatian dan memohon bantuan orang ramai, kikir mendapati ada darah pada badik berkenaan.

Apabila menyaksikan kejadian yang tidak diduga itu, Sebahagian daripada orang ramai lari menyelamatkan diri, wisel polisi terus dibunyikan meminta murid-murid sekolah supaya lari menyelamatkan diri dalam kekecoh dan kondisi kalut itu ada murid yang terluka terkena pagar buluh. ketika itu, Murid-murid kurang pasti dengan kejadian yang berlaku namun, Ada yang mengatakan terhadap orang yang mengamuk orang ramai lari ke segenap arah dan sudut masing-masing cuba menyelamatkan diri sehingga terdapat banyak selipar dan terompah bersepele di kawasan berkenaan.

D . Penangkapan Rosli Dhoby Dan Ahli Rukan Tiga Belas

Berdasarkan gambar yang diambil oleh Lo Sien Fong, Yang kemudiannya disiarkan di muka depan *The Straits Times* pada 10 Disember 1949, Didapati lelaki itu bresluar panjang putih ditahan dan diiringi oleh dua orang anggota polis lagi mengekor di belakang. lelaki itu kelihatan berambut pendek. Daripada siasatan polisi kemudiannya, Lelaki pertama yang menghunus keris dikenali sebagai Rosli Dhoby, Yang berusia 17 tahun, Manakala lelaki kedua yang menyamar sebagai jurugambar dan berpura-pura mengambil gambar Gabenor di tengah-tengah orang ramai ialah Morsidi Sidek.⁵²

Morsidi sidek juga cuba menikam Gabenor tetapi segera ditangkap oleh polisi, yaitu, Leman Kilin dan Kikir Singh. Mereka kemudian dibawa ke kantor polisi bersama-sama dengan badik. Tidak terdapat lelaki lain yang cuba menyerang Gabenor pada waktu itu. Dan kondisi menjai huru-hara dan riuh rendah orang ramai tertanya-tanya apa yang berlaku. Tanpa membuang masa Gabenor segera dibawa ke Rumah Sakit Lau King Howe, Sibu. Dr Edwin Herbert yaitu pegawai perubatan Bahagian Sibu turut hadir di uapacara tersebut beliau menyaksikan kekecohhan di sekitar tempat kejadian pada pagi itu. Residen Sibu telah melambai-lambai tangannya ke arah Wallace seolah-olah meminta tolong tanpa melengahkan masa, Wallace segera membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan pantas dengan membawa Sir Duncan Stewart ke dalam taksi yang berdekatan lalu

⁵² Ibid., 34.

menaruhkan pemandu nya memandu secepat mungkin ke Rumah Sakit yang jarak nya kira-kira 200 meter dari tempat kejadian. Gabenor dimasukkan ke bahagian belakang taksi sementara Dr Wong, Pembantu Pegawai Perubatan masuk ke kerusi sebelah pemandu.⁵³

Wallace tidak dapat melakukan pemeriksaan di tempat kejadian, karena terlalu sesak dan sesudah sampai ke Rumah Sakit dengan bantuan oleh karyawan lain, Beliau membawa Gabenor ke bilik pemedahan itu yang terletak bersebelahan dengan Jabatan X-Ray Rumah Sakit tersebut. Dr mendapati bahawa Gabenor mempunyai luka akibat tusukan alat tajam. luka itu bersifat melintang, Sekitar satu pertiga inci panjang, Terletak pada sekitar pada jarak yang sama dari garis tengah abdomen dan jarang yang sama di bawah perut atau umbilikus. Perut Gabenor penuh dengan darah, Disebabkan luka itu dan juga visera. Melihat luka berkenaan Wallace segera memutuskan untuk melakukan pembedahan. Dr mendapati kecederaan akibat tikaman badik Rosli Dhoby agak serius, Mereka khuatir dengan kondisi Gabenor itu,maka keputusan dibuat bagi menyelamatkan nyawa beliau. ketika itu beliau tidak dapat mengukur tepat kedalamannya luka tersebut dan luka bahagian dalam disifatkan beliau sebagai serius.

Para pakar bedah dibawa khas daripada Singapura karena menyedari bahawa kondisi Gabenor begitu tenat dan selepas melakukan pemeriksaan keatas Gabenor, Mereka telah memutuskan langkah supaya Gabenor dibawa ke Singapura karenanya dengan kemudahan pembedahan yang tidak canggih di

⁵³ Ibid., 55.

Rumah Sakit Sibu karena masih berada pada peringkat asas dan ketiadaan pakar, Maka keputusan itu harus di ambil bagi keselamatan Gabenor.

Duncan Steewart dibawa dengan kenderaan pengusung ke ambulans yang sedia menunggu dan terus membawa nya ke Rumah Sakit Umum Singapura, Tetapi takdir telah menentukan segalanya bahawa Gabenor tidak dapat diselamatkan. Pada petang itu juga Mekie yang yakin bahawa Gabenor masih mempunyai harapan untuk hidup berdasarkan kondisinya ketika itu yang sempat bercanda. Majlis tertinggi memerintahkan supaya isteri Gabenor untuk segera datang ke Singapura dan isterinya sempat bertemu dengan suaminya dan isteri beliau sempat melihat suami nya menghembus nafas terakhir pada Sabtu 10 Disember jam 11:10 pagi di Rumah Sakit Umum Singapura.⁵⁴

Perbicaraan Rosli Dhoby dan Morsidi Sidek yang menghadapi tuduhan membunuh Gabenor Duncan Stewart. kedua-dua tertuduh yaitu Rosli Dhoby dan Morsidi mengaku bersalah dan walaupun pertama kali di soal Rosli mengaku tidak bersalah pengakuan mereka diterima dan segala bukti ditunjukkan. Kedua-dua mereka dibawa ke kantor polisi dan berserta senjata mereka, dan sebuah kemera kecil dibawa ke mahkamah sebagai bukti utama yang dikatakan telah dibawa oleh Morsidi. Pada 5 Disember 1949, Kedua-dua tertuduh telah membuat pengakuan masing-masing, Peguam negara berkata, Untuk tertuduh pertama dia stelah ditangkap semasa membunuh Gabenor dan itu sudah memadai.

⁵⁴ Bolhassan Bin Ainnie, *Wawancara*, Sibu, 27 April 2016.

Pada hari dia hendak di gantung, Rosli dipindahkan ke kamar tahanan bilik akhir bersebelahan bilik gantung bangunan yang di cat putih. Pada 1 Maret sehari sebelum beliau di hukum gantung dia meminta pen dan kertas daripada seorang warden dan di atas kertas itulah beliau mencerahkan segala perasaan dan harapannya.

Warkah Terakhir,” Dengan sehelai kertas ini untuk renungan sepanjang masa. Saya si penulis Rosli Dhoby dalam lindungan permai. Saudara-saudara dan saudari-saudari seperjuangan, Saya tidak lama lagi akan meninggalkan jejak tanah tumpah darahku yang ku cintai, Dan utama sekali ayah bunda yang ku kasihi dan saudara semua, Dengan nama Allah sifat pemurah dan pengampun saya mohon ampun dan maaf atas segala kesalahan saya yang telah terjadi selama ini, Saya sanggup berkorban nyawa untuk memperbaiki rakyat yang telah dijajah oleh pihak yang tidak bertanggugjawap, Saya mengaku dan terima apa-apa kesalahan di dunia ini dan saya tidak gentar dan takut untuk mati, Saya terima hukuman yang telah di arahkan ke atas diri saya. Saya berdoa kepada Allah S,W, T, Saudara-saudara sekalian di akhir kelak balik ke pangkuan Ibu pertiwi. Sungguh begitu saya sudah sanggup menghapuskan orang putih yang asing yang datang. Tetapi saya sudah tidak ada di dunia ini nama saya tetap harum seluruh dunia segenap pelusuk. Akhir kata, Saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian berjuanglah jangan mundur majulah ke hadapan. Amin ya Rabbul alamin berkat doa laillahaitlahi Muhamadan Rasullah.”

Surat itu juga ditujukan kepada kedua-dua orang tuanya. Memang Rosli merasa keluh kesah menghadapi hari-hari terakhir dalam hidupnya. Hari nya yang di habiskan sepenuhnya dengan bermunajat kepada Allah. Dan

Rosli tidak merasa kesal dengan tindakannya serta kejadian yang menimpa dirinya. Anak muda itu sedar kesan perjuangan itu adalah untuk tahan tumpah Negara nya dan dia sanggup mempertaruhkan jiwa dan raganya demi Negara tercinta dan masa depan Sarawak. Pada pagi itu Rosli meminta supaya dia digantung selepas membaca kalimah sebelum proses pengantungan.⁵⁵

Bimbang akan reaksi keras penduduk tempatan khususnya orang Melayu di Sibu oleh itu, Jenazah pewira Rosli Dohby dan Morsidi Sidek tidak dibawa balik ke kampung halaman mereka. Keputusan tegas itu di ambil dan mengebumikan kedua-dua pewira negara itu di kawasan lapang penjara Kuching dalam kondisi yang mendukacitakan yaitu tanpa sebarang batu nisan. Bagaimanapun selepas terbentuknya Malaysia dan Sarawak mencapai kemerdekaan daripada British pada 16 September 1963, Akhirnya batu nisan didirikan di kubur Rosli Dohby dan Morsidi Sidek. Batu nisan yang kini diletakkan di Muzium Islam Sarawak selepas kubur beliau digali dan dipindahkan ke Sibu pada 1996. Pada tahun 1961 Tunku Abdul Rahman telah berbincang dengan Ketua Menteri Sarawak untuk mendirikan Tugu peringatan buat menghargai jasa para pahlawan dan pejuang silam Negara itu.

⁵⁵ Datuk Wan Hamid Edruce, *Wawancara*, Sibu, 16 Mei 2016.